

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH 15 MAC 2016

8583

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tentang kedudukan Pekerja Asing di bawah program 6P:-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk melanjutkan permit bekerja mereka, dan jika ia berapa tahun tambahan dibenarkan; dan
- (b) nyatakan jumlah levi mereka perlu bayar.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Program 6P yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan mulai 10 Oktober 2011 dan berakhir pada 10 Januari 2012 merupakan program 'one-off'. Sehubungan itu, tiada lagi Program 6P kerana Kerajaan akan memberikan tumpuan sepenuhnya dalam pelaksanaan Program Penggajian dan Penempatan Semula ataupun Program *Rehiring*.

SOALAN (41)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 15 MAC 2016
[SELASA]

DARIPADA Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]

SOALAN

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) adakah TPPA akan menjadikan Malaysia tidak lagi mampu mengawal pembelian rumah oleh warga asing; dan
- (b) adakah had harga rumah RM1 juta ke atas untuk bukan warganegara akan dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak akan menjelaskan dasar kerajaan dalam penetapan had pemilikan rumah oleh warga asing di mana pada masa kini pada dasarnya kerajaan telah menetapkan bahawa harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing ialah RM 1juta dan bagi mengelakkan spekulasi dan kenaikan harga rumah yang tinggi kerajaan telah meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) seperti berikut:-

1-3 tahun	30%	30%	30%
Tahun ke 4	20%	20%	30%
Tahun ke 5	15%	15%	30%
Tahun ke 6 ke atas	0%	5%	5%

JAWAPAN

Sehubungan dengan itu, Dasar Perumahan Negara tidak berubah dengan penglibatan Malaysia di dalam TPPA.

**10
3**